



PARA peserta terlibat dalam Bengkel Aplikasi Video Digital bergambar bersama penceramah jemputan.

JHEP UMS jayakan Bengkel Aplikasi Video Digital

UB 20.12.2018 B2

KOTA KINABALU : Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Bengkel Aplikasi Video Digital baru-baru ini bertempat di Bilik Seminar JHEP, UMS.

Bengkel disertai seramai 35 orang kakitangan JHEP itu sendiri termasuk kakitangan daripada Pusat Sukan, Pusat Alumni dan Pusat Kerjaya.

Tujuan bengkel diadakan adalah untuk mempelajari tentang teknik dan aplikasi video digital melalui telefon bimbit 'smartphone' dan mempermudah cara dalam mempromosikan aktiviti-aktiviti yang akan berlangsung dan telah berlangsung.

Penceramah jemputan adalah daripada Radio Kampus Kita FM (KKFM), UMS iaitu

Ady Maldin selaku Penerbit Rancangan UMS dan bersama Dj Radio KKFM, Mohd Arnawih Ginsing.

Bengkel itu memberi informasi dan teknik aplikasi digital video yang berguna kepada peserta. Turut hadir sama Alan James, Ketua Bahagian Kebudayaan dan Kesenian merangkap Penyelaras Program bengkel berkenaan.